When contacted, DBKL advisory board member Lai Chen Heng said City Hall also planned to cut down high-risk trees in the area.

He stressed that no signboard was needed for maintenance works being carried out on existing infrastructure.

"Only new projects – which is when new structures are being built – require a signboard."

He said the project had now entered the phase of rockfall netting installation and was expect-

ed to be completed by July 31.

"Previously, DBKL and the MP's office had conducted a site visit to engage with nearby residents.

"They should have been told about the project," he said.

Bangsar Park Residents Association president Nitesh Malani confirmed that Lembah Pantai MP Fahmi Fadzil's office held a site visit to brief residents about the project.

However, he said many residents were still confused and said a signboard at the construction site would provide greater clarity.



DBKL's slope enhancement project in Jalan Maarof, Bangsar.
— Courtesy photo

THE STAR

Tarikh: 02 JUL 2024

18 possible sites for waste-to-energy plants identified

star
2/1

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The government has identified 18 possible sites for proposed waste-to-energy (WTE) plants that will serve the needs of every state in Peninsula Malaysia, says Nga Kor Ming (*pic*).

The Housing and Local Government Minister announced that the sites are: Jabi and Padang Cina in Kedah; Bukit Payung, Seelong and Sedili (Johor); Jabor-Jerangau and Belonggu (Pahang); Sungai Udang (Melaka); Rawang (Kuala Lumpur); Jeram, Tanjung Dua Belas and Rawang Dua (Selangor); Pulau Burung (Penang); Lahat, Taiping and Manjung (Perak); Tertak Batu (Terengganu); and Jedok (Kelantan).

"The construction of WTE plants

is still at the planning stage and is subject to the government's financial position as well as the sustainability of the WTE model offered," Nga told the House in response to a supplementary question by Bayan Baru MP Sim Tze Tzin.

"The ministry will continue to find the best model (of WTE) so its implementation is the best for the country.

"We will adopt technology with a proven track record before it is used."

Nga added that the ministry will continue to raise public awareness on the viability of using WTE plants as opposed to building more landfills to dispose of solid waste.

"One large-scale landfill will



require several tens of thousands of acres (of land) and the surrounding area from five to 10km cannot be developed when compared with WTE plants, even though the latter cost more."

He added that it costs the government around RM20mil to cover up a landfill.

Current WTE technology is not only safe but the experience in other countries also proves that it is effective in reducing the amount of solid waste that would otherwise be sent to landfills, Nga said.

WTE plants operate at a consistently high temperature and are equipped with a treatment system capable of preventing harmful gases from being released to the

environment, he added.

"This new technology does not require a large area of land and does not produce leachate, foul smell or methane gas that has a negative impact on public health and the environment.

"The WTE concept is one of the best options for the environment and people's well-being," he said.

Replying to a question from Kuantan MP Wan Razali Wan Nor, Nga said the government is conducting comprehensive reviews on countries that have used WTE technology.

"WTE plants started in the 1980s. Singapore has five WTE plants while Vietnam, China and Europe also have them, so they are proven to generate renewable energy.

"Even though Malaysia is run-

ning behind, this is a blessing in disguise where we can learn from other countries' experience."

On a similar matter, Nga said the ministry aims to raise the nation's recycling rate to 40% from 33% by 2025.

Among the measures to achieve this are installing 100 drive-through recycling centres at shopping malls across the country.

"The public can bring in newspapers and used cooking oil to the shopping mall and be paid with cash. This is aligned with our trash-to-cash initiative," he said.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



THE STAR

Tarikh: 02 JUL 2024

Keep SOP revision to the minimum, govt urged

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

Star
2/7

JOHOR BARU: People here are anxiously awaiting details following an announcement that the Covid-19 standard operating procedure (SOP) would be revised.

They hope that the Health Ministry would not make significant changes to the existing SOP, which has been in place since 2022 under the "transition to endemic" phase.

Businessman S. Sures, 51, said many are still recovering from the Covid-19 pandemic, and any move to tighten the existing SOP would make matters worse.

"It's unclear whether these revisions will relax the current SOP further or impose stricter measures. I hope it's not the latter.

"We are still recuperating from the economic impact of the pandemic, and any move to reintroduce a strict SOP will make it harder and longer for us to recover," he said.

Having lost six out of his eight shops due to the pandemic, Sures emphasised the importance of clarity from the government regarding these adjustments.

"However, I welcome any move to loosen the existing SOP. I believe we have reached a point where we are comfortable living side by side with Covid-19.

"With a significant portion of the population vaccinated, Covid-19 could be considered another flu.

"We may do away with the home surveillance order or reduce the duration as the government sees fit," he added.

Echoing his sentiments was second-hand car dealer Tan Choo Oo, 65, who stressed the importance of a timely release of the SOP details to prevent unnecessary panic and to give the public time to prepare.

"We cannot go through that again. I believe it is very unlikely for the government to impose stricter regulations.

"Even if it does, it is probably in terms of wearing face masks, which I have no problem with. I am in favour of such a move as it can also help prevent the spread of other diseases.

"At the same time, I feel there is no need to further relax the SOP. The existing five-day home quarantine period and obligation to declare when one tests positive for Covid-19 should not be removed," he said.

Housewife Siti Sarah Suraya Muhammad, 36, said there was no need to impose sterner regulations as people are still on high alert against Covid-19.

"Although we have passed the pandemic phase, many are still taking the necessary precautions without being forced to do so.

"I think it is best to leave things as they are unless necessary due to an extraordinary rise in the number of cases, which is not what we are seeing now," she said.

Johor Indian Muslim Entrepreneurs Association secretary-general Hussein Ibrahim said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad's remarks on the matter recently caught many off guard.

"We are worried as we do not know the details. Many are waiting anxiously to know how the revision of the SOP will change their lives.

"I do not think there is a need for the SOP to be tightened or relaxed further. People are already comfortable with the existing SOP and taking their initiatives to protect themselves," he said.

On Saturday, Dzulkefly said his ministry will release details of a revised SOP soon, following the country's transition to the "living with the pandemic" phase.

He said this revised SOP would cover the home surveillance order, the use of face masks, and the declaration of local areas of infection.

THE STAR

Tarikh: 02 JUL 2024

Ringgit ends marginally higher

Star
2/7

KUALA LUMPUR: The ringgit ended marginally higher against the US dollar yesterday after trading in a narrow range throughout the day, says an analyst.

At 6pm, the ringgit traded at 4.7120/7155 against the greenback versus last Friday's close of 4.7160/7190.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid said the US dollar/ringgit was as low as RM4.7130 during the morning session but went up to as high as RM4.7158 during the afternoon session.

"US dollar versus yen remained in the spotlight as the Japanese currency weak-

ened to 161.80 yen.

"The Japanese government revised its gross domestic product growth downwards from minus 1.8% to minus 2.9% in the first quarter this year, suggesting the Bank of Japan may refrain from raising its policy rates soon," he told *Bernama*.

In general, he said, the prevailing condition still favours the US dollar and the data points for this week would be quite critical to determine whether the Federal Reserve might resort to more rate cuts this year.

Meanwhile, the ringgit was mostly lower against a basket of major currencies.

THE STAR

Tarikh: 02 JUL 2024

MoU promotes sustainability at industrial park in south S'gor ^{Star} 2/7

A WASTE management company and a property developer's subsidiary have signed an agreement to establish a strategic partnership and promote sustainability at an industrial park in south Selangor.

KDEB Waste Management and NCT Smart Management Sdn Bhd inked a memorandum of understanding (MoU) to transform waste management at NCT Smart Industrial Park located in Selangor's Integrated Development Region in South Selangor (IDRISS).

The collaboration encompasses comprehensive waste collection services, enhanced public cleaning and robust recycling programmes.

The implementation of these services will start once the industrial park's first phase is completed.

This partnership is expected to deliver significant benefits not just for the park itself, but also for the entire Kuala Langat district.

NCT Smart Industrial Park holds the distinction of being Malaysia's first managed industrial park situated within IDRISS.

The MoU was signed by KDEB Waste Management managing director Datuk Ramli Mohd Tahir and NCT Group executive director Datuk Yap Fook Choy.

Also present were KDEB Waste Management subsidiary management and project delivery general manager Ahadi Mohd Nasir and NCT Group project director Yap Chun Theng.

THE STAR

Tarikh: 02 JUL 2024

Kenaikan kadar inflasi 1.7 peratus bersifat sederhana

KUALA LUMPUR – Kementerian Ekonomi memaklumkan, kadar inflasi negara mencatatkan peningkatan kepada 1.7 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Bagaimanapun kata Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, peningkatan tersebut bersifat sederhana kerana pada suku keempat tahun lalu inflasi negara adalah pada paras 1.6 peratus.

Ujar beliau, dengan kadar in-

flasi di bawah paras dua peratus bagi kedua-dua suku berkenaan, ia menunjukkan bahawa peningkatan kadar harga barangan dan perkhidmatan adalah sederhana.

"Secara amnya, kadar inflasi di paras dua hingga tiga peratus dapat menjamin keseimbangan terhadap ekonomi sesebuah negara," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Da-

tuk Seri Hishammuddin Hussein (**BN-Sembrong**) yang mahu kerajaan menyatakan sejauh manakah kadar inflasi mencerminkan realiti ekonomi dan peningkatan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh majoriti rakyat dan pengguna di negara ini.

Mengulas lanjut, Hanifah Hajar berkata, kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan keperluan dan kesejahteraan rak-

yat Malaysia dapat dipenuhi.

Menurutnya, pelbagai program dan inisiatif telah dikenal pasti dan mula dilaksanakan terutamanya melibatkan program jangka panjang seperti meningkatkan bekalan dan jaminan makanan.

"Selain itu, kerajaan turut membangunkan Indikator Kos Sara Hidup oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat hingga ke peringkat daerah.

"Ketiga, melaksanakan Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bertujuan untuk mengenal pasti isu semasa, di samping mengesyorkan tindakan susulan bagi menstabilkan harga barangan di Wilayah Borneo.

"Kajian ini dijangka dibentangkan pada Ogos depan," katanya.

KOSMO

Tarikh: 02 JUL 2024

84
2/7

Konflik kerja dan kehidupan



PSIKO LAGI!

MOHD AWANG IDRIS

Dalam dunia moden hari ini, setiap manusia bekerja. Manusia perlu bekerja untuk hidup. Tapi bekerja juga seperti tidak hanya menghidupkan manusia, tetapi juga mematikan.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan, daripada sekitar tiga juta pekerja mati setiap tahun disebabkan kerja, sebanyak 2.6 juta kematian itu kebanyakannya adalah disebabkan penyakit berkaitan kerja. Selebihnya disebabkan kemalangan dan sebagainya.

Kerja melebihi 55 jam seminggu juga dikatakan antara sebab banyak kes kematian ini.

Takashima Shingo ialah seorang doktor perubatan di sebuah hospital di Jepun. Beliau baru berusia 26 tahun. Tahun lalu, beliau didapati telah membunuh diri. Menurut banyak laporan, beliau telah bekerja 200 jam kerja lebih masa selama sebulan sebelum kemati-

annya. Tidak juga mengambil cuti selama tiga bulan.

Itu seorang doktor yang terdidik dengan cara hidup sihat. Bayangkan orang lain.

Tapi di Jepun, memang sudah diketahui budaya bunuh diri dalam kalangan rakyatnya. Kerja juga kehidupan mereka. Mereka yang tertekan disebabkan oleh kerja mungkin boleh membunuh diri. Tapi jarang-jarang kita dengar orang Malaysia membunuh diri disebabkan oleh kerja.

Walaupun tidak membunuh diri, tetapi penyakit jantung dan strok sudah menjadi cerita biasa untuk orang kita. Malangnya, kita jarang mengklasifikasikannya sebagai penyakit berkaitan kerja.

Akhirnya kita lebih menyalahkan gaya hidup individu sebagai tidak menjaga kesihatan. Majikan dan kerja tak pernah dipersalahkan.

Terbaharu, negara kita heboh dengan satu dapatan kajian yang menunjukkan bahawa Malaysia sebagai negara kedua terburuk dalam keseimbangan kerja dan kehidupan.

Walaupun kajian yang dilakukan ini boleh diperdebatkan, tetapi ia beri kita isyarat bahawa pekerja di Malaysia sedang berdepan dengan krisis kerja dan kehidupan. Sama ada ia teruk atau kita

sendiri lebih mengetahui.

Lihat sahajalah berapa kali kita bercakap tentang jalan sesak untuk ke tempat kerja setiap hari? Berapa banyak pula masa kita merungut untuk berkejaran menghantar anak pergi dan pulang ke sekolah atau tadika.

Walaupun teruk bekerja, bukannya kita juga merungut gaji tidak mencukupi. Semua ini boleh membayangkan tentang kita sendiri.

Di masa dahulu, jarang kita bercakap keseimbangan kerja dan kehidupan. Orang tua kita yang tinggal di kampung, hanya bekerja di bendang atau kebun.

Mereka tak perlu sibuk berkejaran mengejar *deadline* seperti kita. Mereka juga boleh membawa bersama anak-anak dan menunggu di petak sawah, atau bersama mengutip susu getah. Jadi kerja adalah kehidupan mereka, dan kehidupan itu sendiri ialah pekerjaan mereka.

Sebenarnya untuk melihat keseimbangan antara kerja dan kehidupan, kita tak sangat memerlukan kajian saintifik. Jika kita melihat pada jam 6.30 pagi jalan raya sudah mula sesak dengan kenderaan, dan malamnya jalan raya juga masih sesak berbondong-bondong orang berebut untuk pulang, itu tandanya kita telah melebihi ker-

ja berbanding rumah.

Dalam dunia hari ini, kerja boleh diarahkan dan dilakukan dengan menggunakan WhatsApp, Zoom dan e-mel. Setelah pulang ke rumah pun, adakalanya kerja masih perlu diselesaikan. Dan biasanya ia tak berbayar kerana dalam kebanyakan sistem penggajian, kita hanya dibayar apabila bekerja di pejabat atau berada di tempat kerja.

Akhirnya kerana kita melebihi pekerjaan, keluarga biasanya menjadi mangsa. Ada anak yang mungkin mengenal pengasuh lebih banyak daripada ibu bapanya sendiri.

Kita juga mungkin tak begitu sempat melihat kerja sekolah anak-anak kerana kita juga sibuk dengan kerja yang tak pernah selesai.

Tapi kita semua kian berusia. Kita mungkin kehilangan saat indah melihat anak membesar. Tatkala kita terlanjar sakit, anak-anak kita juga sibuk dengan pekerjaannya.

Waktu itu kita mungkin sudah terlewat untuk memahami makna keseimbangan kerja dan kehidupan.

* Dr Mohd Awang Idris ialah pensyarah dan penyelidik dalam bidang psikologi di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya serta Profesor Madya Adjung di PSC Global Observatory, Universiti Australia Selatan

SINAR HARIAN

Tarikh: 02 JUL 2024

Jimat kos elektrik hingga 50 peratus

Sektor industri di Malaysia disaran guna tenaga solar

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Sudah tiba masanya sektor perindustrian di negara ini mengambil langkah serius dengan melabur dalam penggunaan tenaga solar yang mampu menjimatkan kos elektrik yang signifikan dalam jangka masa panjang, seterusnya sebagai langkah mengawal peningkatan harga barangan.

Pengarah Institut Penyelidikan Solar Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Profesor Ir Dr Nofri Yenita Dahlan berkata, setelah kos pemasangan sistem solar diambil kira, industri boleh menikmati bil elektrik lebih rendah atau hampir sifar, yang seterusnya mengurangkan kos operasi secara menyeluruh.

Bagaimanapun katanya, pengurangan kos elektrik bergantung kepada beberapa faktor, termasuk saiz sistem tenaga solar, kadar penggunaan tenaga dan tarif elektrik yang dikenakan oleh syarikat utiliti kuasa.

"Industri yang menggunakan tenaga solar boleh jimat 20 hingga 50 peratus daripada bil elektrik mereka.

"Pengurangan kos elektrik ini boleh terhasil daripada penjimatan penggunaan tenaga elektrik dari grid, penjimatan kehendak maksimum caj ketika beban puncak, penjimatan daripada jualan tenaga solar berlebihan ke grid melalui NEM (Net Energy Metering) kredit yang diperoleh di dalam bil dan penjimatan dari pengurangan tenaga daripada grid yang tidak dikenakan surcaj Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT).

"Penggunaan tenaga solar boleh

digabungkan dengan sistem pengukuran tenaga pintar dan teknologi kecerdasan buatan (AI), yang membolehkan pemantauan dan pengawasan penggunaan tenaga boleh dilakukan secara *real-time* dan optimum. Ini boleh meningkatkan kecukupan tenaga dan mengurangkan pembaziran," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada masa sama, Nofri Yenita berkata, pihak industri juga wajar memanfaatkan pelbagai insentif dan program sokongan disediakan oleh kerajaan yang boleh membantu mengurangkan kos pemasangan awal, mengurangkan bil elektrik dan mempercepatkan pulangan pelaburan.

Jelas beliau, dengan teknologi tenaga solar yang semakin efisien dan kos pemasangan semakin rendah, pulangan pelaburan dapat dicapai dalam masa beberapa tahun bergantung kepada sejauh mana industri tersebut dapat menghasilkan tenaga solar dan penggunaannya secara langsung.

"Kos pemasangan sistem tenaga solar boleh berbeza-beza bergantung kepada beberapa faktor, termasuk skala sistem, jenis teknologi panel solar dan

sistem yang digunakan selain lokasi pemasangan.

"Untuk sistem tenaga solar berskala komersial dan industri, kos purata pemasangan adalah antara RM 3,000 hingga RM 5,000 per kWp (*kilowatt peak*). Sistem yang lebih besar biasanya mempunyai kos per kWp yang lebih rendah," katanya.

Tambah beliau, pelaburan dalam tenaga solar bukan sahaja mengurangkan kos operasi tetapi juga meningkatkan daya saing dan kelestarian industri.

"Ini bukan sahaja mengurangkan jejak karbon tetapi juga meningkatkan imej syarikat di mata pelanggan dan pelabur yang semakin prihatin terhadap isu-isu alam sekitar.

"Dengan sokongan kerajaan dan teknologi pintar yang ada, industri di Malaysia mempunyai peluang besar untuk memanfaatkan tenaga solar sebagai sumber tenaga utama mereka," katanya.

Muka depan *Sinar Harian* pada Isnin melaporkan peniaga dan pengilang berkemungkinan tidak mampu untuk menurunkan harga barangan semata-mata disebabkan oleh penurunan tarif elektrik kerana masih menanggung banyak perbelanjaan lain dan kos bahan mentah yang tinggi.



NOFRI YENITA

INFO INSENTIF DAN PROGRAM SOKONGAN PEMASANGAN SISTEM SOLAR:

- **Net Energy Metering (NEM) Skim:** Konsep NEM ialah tenaga yang dihasilkan dari pemasangan solar PV akan digunakan dahulu oleh pengguna elektrik, dan lebihan akan dijual kepada syarikat utiliti kuasa dan dikreditkan di dalam bil.
- **Pembiayaan hijau:** Pinjaman berfaedah rendah atau jaminan pinjaman melalui bank milik kerajaan atau skim pembiayaan hijau seperti *Green Technology Financing Scheme* (GTFS).
- **Insentif cukai:** Terdapat insentif cukai untuk pemasangan sistem tenaga solar, yang boleh mengurangkan kos pemasangan keseluruhan.

la susulan pengumuman bahawa tarif elektrik komersial dan industri mengalami penurunan kadar surcaj sebanyak 1 sen per kilowatt sejam (kWj) bermula 1 Julai sehingga 31 Disember ini.



Laporan muka depan *Sinar Harian*.

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 JUL 2024

84
2/7

Jakoa pastikan tiada Orang Asli tercicir subsidi diesel

SHAH ALAM - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) menyusun semula proses permohonan subsidi bahan api diesel melalui bantuan Pegawai Kemajuan Orang Asli Daerah (PKOAD) bagi mengelakkan keciciran dalam kalangan Orang Asli yang layak.

Jakoa dalam satu kenyataan pada Isnin memaklumkan, Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) akan membantu meringankan beban kos bahan api yang ditanggung oleh masya-

rakat Orang Asli dalam menjalankan aktiviti harian dan ekonomi mereka.

Menurutnya, ia turut meliputi mereka yang tidak termasuk dalam kategori Budi Agri-Komoditi dan Budi Individu.

"Jakoa menyambut baik pengumuman pelaksanaan Budi Madani. Bagi memastikan tidak berlaku ketirisan, pihak Jakoa akan memperkemas proses permohonan melalui bantuan PKOAD untuk turun padang," menurut kenyataan itu.

Mengulas lanjut, Jakoa memaklumkan bahawa bantuan subsidi bahan api diesel kepada masyarakat Orang Asli akan disalurkan bermula 30 Jun 2024 berdasarkan permohonan mereka.

Mengambil kira kekangan dan rintangan masyarakat Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman, Jakoa akan memperhalusi mekanisme pembayaran bantuan serta menjadi agensi pemudah cara supaya proses tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar.

SINAR HARIAN

Tarikh: ..0.2..JUL..2024.....

84
2/7

Kerajaan disaran kurangkan subsidi RON95 berperingkat

SHAH ALAM - Pakar ekonomi menyarankan kerajaan supaya melaksanakan pengurangan subsidi petrol RON95 secara berperingkat dan bukannya drastik.

Pro Naib Canselor Universiti Kolej Icats Kuching, Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, pengurangan subsidi RON95 secara drastik bukan sahaja membebaskan rakyat malah memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara.

Bagaimanapun katanya, pengurangan itu wajar ditangguhkan sementara waktu sehingga sentimen dan keadaan kembali normal susulan kejutan penarikan subsidi diesel secara drastik.

"Kalau mahu tarik subsidi RON95 jangan tarik terus kepada harga pasaran, buat sikit-sikit. Sekarang belum sesuai, rakyat pun masih tidak stabil dan belum bersedia dengan kenaikan harga diesel

selepas kerajaan tarik subsidi," ujarnya.

Sementara itu, pakar ekonomi dan kewangan dari UNIKL Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berpendapat, penstrukturan semula pembahagian subsidi adalah langkah penting untuk memperbaiki kewangan negara iaitu dalam usaha mengurangkan hutang kerajaan dan defisit perbelanjaan tahunan negara.

Jelas beliau, data yang diberikan oleh rakyat melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU) seharusnya boleh memberikan cadangan jumlah yang sesuai mengikut pendapatan bersih setiap isi rumah dan bukan hanya secara purata seperti diesel.

"Di sinilah kebijaksanaan kerajaan diperlukan untuk memberikan bantuan yang tepat demi kebajikan rakyat," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: **02 JUL 2024**

84
2/7

Akibat gagalnya integriti kita



VANGUARD

MUHAMMAD FUAD MAT NOOR

Dalam satu penulisan kolumnis jemputan Iaman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Jun lalu, Penolong Setiausaha Unit Integriti Kementerian Kewangan Malaysia memberikan pencerahan terbaik berkaitan 'penyakit kronik' yang sekian lama merebak menjadi kanser dan lebih sedih menjadi satu 'budaya' di negara ini.

Apa yang menjadi tanda tanya ialah apakah kolum-kolum sedemikian mendapat tempat untuk ditatap dan dicerna dengan serius oleh golongan profesional, pihak pengurusan kerajaan dan korporat serta rakyat marhaen. Lebih membimbangkan bagi sebahagian besar rakyat negara ini, perkataan integriti dan tatakelola hanyalah sesuatu yang kerap dilaungkan orang-orang politik, dibaca oleh pemberita stesen televisyen atau terpampang di dada-dada akhbar.

Ini adalah sesuatu perlu diberi perhatian serius kerana jika tidak, nasib rakyat dan masa hadapan negara akan menjadi

bertambah gelap dengan kegagalan pelbagai program dan projek kerajaan mengakibatkan hutang terus berganda akibat ketirisan di pelbagai sektor. Lebih menyedihkan, status atau hak yang dijamin perlembagaan berkaitan warga khususnya bangsa Melayu turut terjejas teruk akibat perbuatan tidak berintegriti dan tatakelola yang hanya mementingkan poket sendiri, saudara-mara dan juga kroni.

Menurut artikel tersebut, integriti dan tatakelola merupakan asas penting dalam memastikan kestabilan dan kemakmuran masyarakat, selain membentuk landasan kukuh untuk pembangunan berkesan dan mampan, seterusnya manfaat kepada setiap individu serta keseluruhan komuniti.

Integriti merujuk kepada kejujuran diri dan amalan moral yang konsisten. Ini sesuatu yang dilihat sukar diamalkan pelbagai pihak, baik awam mahupun korporat akibat kerap dikaburi oleh fahaman dan budaya politik yang memejamkan mata dan memekakkan telinga terhadap salah laku 'geng' sendiri.

Dalam konteks tatakelola, ia kritikal kerana bakal menjurus kepada pengurusan berkesan dan bertanggungjawab. Ia merangkumi proses, struktur dan amalan yang memastikan keadilan, ketelusan dan keberkesanan. Dari sudut kerajaan, baik di peringkat negara, negeri, daerah, malah majlis perbandaran, tatakelola yang baik merujuk kepada cara dan kaedah kerajaan

menjalankan fungsi urusan awam termasuk proses pembuatan keputusan dan pengurusan sumber.

Apabila membincangkan kedua-dua faktor iaitu integriti dan tatakelola, tentunya salah satu sektor yang paling terkesan ialah pertahanan. Sektor tersebut banyak melibatkan kerjasama antara pihak kerajaan dan juga swasta.

Suatu masa dahulu urusan pembangunan, perolehan dan pembelian sistem pertahanan negara ini adalah aktiviti kerajaan atau khususnya pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Namun sejak tahun 1990-an, ia tidak lagi bersifat sedemikian.

Contoh terbaik ialah Limbungan Tentera Laut Diraja Malaysia yang dikenali sebagai Royal Malaysian Navy Dockyard. Ia bagaimanapun bertukar menjadi entiti korporat pada 1991 dan mengambil nama PSC Naval Dockyard Sdn Bhd dengan harapan mengguna bakal menjadi entiti limbungan platform pertahanan maritim terulung negara.

Pada awal Ogos 2005, ia diambil alih dan diberi nama Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd, manakala pada Januari tahun ini, sekali lagi ia bertukar tangan dan bernama kepada Lumut Naval Shipyard Sdn Bhd atau LUNAS.

Uniknya, LUNAS merupakan entiti sepenuhnya milik Kementerian Kewangan. Ini bermakna, akhirnya setelah 33 ta-

hun melalui pelbagai proses penjenamaan, eksperimen dan percubaan penambahbaikan ia kembali semula ke pangkuan kerajaan.

Perkara ini seakan membuktikan kegagalan serius pelbagai pihak terlibat terutama dalam pengurusan sehinggakan entiti limbungan yang telah diswastakan ini akhirnya terpaksa mengangkat tangan menyerah agar ia kembali diambil alih kerajaan seperti sebelum tahun 1991. Tentunya kegagalan yang dimaksudkan telah dan bakal menelan belanja bukan sedikit perlu ditanggung kerajaan dan rakyat marhaen.

Lebih menyedihkan saban hari SPRM mendedahkan bagaimana golongan tidak berintegriti dan mengabaikan tatakelola ini telah mengaut keuntungan dan menjalani kehidupan mewah melampau daripada hasil aktiviti tidak bermoral mereka.

Mungkin masanya telah tiba untuk kita mengkaji jenis hukuman lebih setimpal terhadap golongan sedemikian.

China dan Vietnam umpamanya adalah negara yang telah meletakkan hukuman mati kepada perasuah kes berprofil tinggi melibatkan kepentingan negara dan rakyat.

* Muhammad Fuad Mat Noor ialah penganalisis pertahanan dan pernah menerima anugerah wartawan terbaik oleh Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2003, 2004, 2006 dan 2007

SINAR HARIAN

Tarikh: 02 JUL 2024

Graduan perlu tonjol keunikan kepakaran pikat hati majikan



Dekan Fakulti
Kejuruteraan dan
Alam Bina, Universiti
Kebangsaan Malaysia

Oleh Prof Ir Dr Mohd Syuhaimi Ab Rahman
bhrencana@bh.com.my

Aspirasi sesebuah universiti adalah untuk melahirkan graduan berkualiti menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai sektor. Graduan berkualiti adalah mereka yang berpengetahuan luas, mahir dalam penggunaan peralatan moden dan mempunyai kemahiran insaniah tinggi.

Kualiti seseorang graduan perlu diukur dan diketahui supaya menjadi asas kepada tindakan pemerkasaan selanjutnya. Secara amnya terdapat beberapa instrumen boleh digunakan untuk menilai kesediaan graduan memasuki alam pekerjaan.

Statistik Kebolehpasaran/Kebolehgajian dan Gaji Permulaan Minimum (GPM) adalah kayu ukur untuk menilai keberkesanan universiti dalam menghasilkan graduan memenuhi cita rasa bakal majikan. Bagaimanapun sehingga hari ini universiti masih melakukan usaha berterusan dalam mencari ramuan terbaik menghasilkan graduan bercirikan 'minda kelas pertama'.

Corak pengurusan sesebuah program juga memainkan peranan penting dalam membentuk ciri graduan bakal dilahirkan. Ini digambarkan melalui sistem pengurusan akademik diamalkan di setiap universiti. Graduan perlu menonjolkan keunikan kepakaran bidang mereka sebagai nilai tambah untuk dipilih sebagai pekerja.

Di samping itu, graduan perlu mengambil peluang memperkayakan pengetahuan dengan sumber terbuka menerusi program latihan dalam ta-

lian. Mereka boleh memperoleh sijil kemahiran melalui pembelajaran dalam talian ditawarkan organisasi dalam dan luar negara.

Pelbagai inisiatif ditawarkan dalam meningkatkan kemahiran graduan, sama ada dianjurkan universiti, industri, institusi latihan, kerajaan atau pihak berkepentingan lain. Secara umumnya, terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada kebolehpasaran dan kebolehgajian tinggi.

● Usaha membentuk daya saing.

Usaha membentuk pelajar berdaya saing dapat dicapai menerusi struktur kurikulum dinamik dan berhala tuju, penilaian berkeboleharapan dan reflektif, suasana pengajian kondusif berserta aktiviti merangsang pembangunan diri khususnya kemahiran insaniah.

Pengukuhan jati diri graduan

Melalui usaha ini, persepsi bakal majikan atau industri dapat diubah terhadap kualiti graduan dilahirkan. Meningkatkan kebolehan graduan secara dalaman menerusi pengukuhan jati diri melalui suasana pembelajaran kondusif.

Antara usaha perlu dilakukan antaranya melahirkan pelajar cemerlang akademik, pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik, aktif dalam pelbagai lapangan ilmu, bersedia menyalurkan tugas lebih mencabar, mampu menyelesaikan permasalahan, persediaan tempat dan program terbaik, pemerkasaan nilai diri idaman industri dan banyak lagi.

Prasarana lengkap dan kondusif juga memainkan peranan bentuk dalam membentuk graduan holistik dan kompetitif. Ia merangkumi prasarana pembelajaran meliputi bilik kuliah, makmal, studio dan

lain-lain yang menyokong aktiviti pembelajaran.

Makmal Pengajaran Industri antara prasarana boleh ditumpukan kerana kewujudan prasarana ini membolehkan kepakaran, peralatan dan kemudahan daripada industri di bawa masuk ke universiti.

● Instrumen kebolehpasaran

Strategi ini bertujuan menjadikan graduan sesebuah universiti unik dan nampak berbeza menerusi pengenalan komponen menyerlah mereka. Ia penting untuk menambah nilai graduan atau disebut sebagai pakej pelajar.

Instrumen kebolehpasaran juga penilaian kepada kebolehan pelajar diperoleh daripada aktiviti luar akademik yang mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Di antara aktiviti terbabit adalah sijil profesional, portfolio akademik pelajar, diploma pelengkap, ciri keusahawanan, program dwi-ijazah, pengalaman berada di industri, fasih pelbagai bahasa, mengikuti pertandingan, program mobiliti, fasih berbicara, pembangunan sahsiah, penampilan, anugerah pencapaian kokurikulum dan anugerah kecemerlangan.

● Pemangkin kebolehgajian

Pemangkin kebolehgajian adalah usaha dan sokongan universiti mendekatkan industri dengan pelajar. Strategi proaktif ini termasuk menawarkan pengajian sarjana bagi calon layak, kolaborasi berstrategik dengan industri, pesta kerjaya dan minggu khas industri bersama pelajar.

Tiga faktor ini dapat dicapai melalui pelaksanaan sistem pengurusan akademik mantap. Ia boleh dijadikan model teladan bagi sistem pengurusan akademik setiap universiti yang diketahui pelbagai dan ia biasa dibangunkan secara unik mengikut acuan masing-masing.

BERITA HARIAN

Tarikh...D. 2 JUL 2024.....

Peraturan lebih ketat babit vape berkuat kuasa Ogos

KKM berusaha pastikan Jabatan Peguam Negara luluskan Akta 852

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas beberapa kali tertangguh, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata peraturan lebih ketat berhubung vape akan berkuat kuasa mulai bulan depan.

Dalam jawapan kepada komen pengguna di X semalam, beliau berkata, pihaknya sedang melakukan yang terbaik untuk memastikan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam

Persatuan Farmasi kecewa Akta 852 belum dikuat kuasa



Keratan akhbar BH, semalam.

2024 (Akta 852) & Perintah 2b diluluskan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Antara peraturan termaktub bawah akta itu ialah berkaitan pendaftaran, penjualan, pembungkusan dan pelabelan serta satu perintah berkaitan larangan merokok di tempat awam.

Katanya, semua peraturan dan perintah berkenaan akan dikuatkuasakan serentak dengan Akta 852, termasuk rokok elektronik.

"Tiga peraturan sudah diluluskan oleh AGC dengan dua lagi peraturan dan satu perintah tambahan kini dalam proses kelulusan."

"Peraturan dan perintah akan dikuatkuasakan bersama dengan Akta 852 pada Ogos, apabila semuanya berada dalam keadaan teratur. Insya-Allah, dengan izin Tuhan, tiada lagi kelewatan," katanya dalam benang hantaran itu.

Tiga peraturan sudah diluluskan oleh AGC dengan dua lagi peraturan dan satu perintah tambahan kini dalam proses kelulusan

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

Beliau mengulas mengenai kenyataan beberapa pihak yang mempersoalkan kelewatan penguatkuasaan Akta 852 yang masih tertangguh pelaksanaannya, termasuk daripada pihak Persatuan Farmasi Malaysia (MPS).

Persoal halangan sebenar

Semalam, Presiden MPS, Amrahi Buang, dilaporkan berkata penguatkuasaan akta terbabit

sepatutnya bermula awal Jun, tetapi hingga kini belum dilaksanakan kerajaan.

Justeru, Amrahi mempersoalkan, apakah halangan sebenar penguatkuasaan akta terbabit, yang didakwa masih 'tersangkut' di pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) KKM.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, beliau memahami keresahan pelbagai pihak berhubung kelewatan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852 terbabit.

"Saya benar-benar memahami keresahan (orang ramai) disebabkan kelewatan dalam pelaksanaan Akta 852 ini."

"Saya memohon empati anda bahawa KKM sedang berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan pengesahan AGC berhubung kelulusan peraturan dan perintah ini," katanya.



BERITA HARIAN
Tarikh...0.2 JUL 2024

La Nina: NADMA siap sedia hadapi kemungkinan banjir Julai - Oktober

um
2/7

PETALING JAYA: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sentiasa bersedia menghadapi kemungkinan banjir berikutan fenomena La Nina yang dijangka bermula Julai sehingga Oktober ini.

Presiden NADMA, Datuk Khairul Shahril Idrus berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau situasi cuaca semasa dan mengeluarkan amaran awal jika diperlukan.

Katanya, kedua-dua agensi sentiasa mengeluarkan amaran berkaitan kemungkinan banjir di sesuatu tempat berdasarkan pemantauan mereka dan NADMA akan memaklumkan kepada agensi-agensi kerajaan, jawatankuasa pengurusan bencana negeri dan daerah dan juga badan bukan kerajaan untuk



Banjir-banjir yang berlaku telah dikendalikan dengan baik di peringkat daerah tanpa penglibatan langsung NADMA dan ini menunjukkan kesiapsagaan orang ramai di peringkat tempatan.”

persediaan menghadapi kemungkinan banjir.

“Setakat ini, banjir-banjir yang berlaku dikendalikan dengan baik di peringkat daerah tanpa penglibatan langsung NADMA dan ini menunjukkan kesiapsagaan orang ramai di peringkat tempatan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, media melaporkan Malaysia bakal menyaksikan taburan hujan tinggi dan

cuaa lembap ekoran fenomena La Nina yang dijangka bermula Julai sehingga Oktober ini.

Felo Akademi Sains Malaysia, Dr. Fredolin Tangang berkata, suhu permukaan laut ketika ini memaparkan tren penurunan sekali gus konsisten menunjukkan keadaan di Lautan Pasifik mula bertukar kepada fasa sejuk.

Mengulas lanjut, Khairul Shahril berkata, jawatankuasa pengurusan bencana negeri sen-

tiasa diperkasa dengan peruntukan awal dan latihan-latihan yang berkaitan untuk memastikan kesiapsiagaan mereka dan latihan ini termasuk simulasi banjir dan latihan kecemasan yang melibatkan pelbagai pihak untuk memastikan semua pihak tahu tanggungjawab mereka semasa kejadian banjir.

Katanya, kerjasama antara pelbagai agensi adalah penting dalam memastikan keberkesanan pengurusan bencana banjir dan NADMA memastikan semua agensi berkaitan bersedia dengan mengadakan mesyuarat berkala dan simulasi kecemasan.

“Ini termasuklah memastikan bekalan makanan, perubatan, dan tempat perlindungan sementara adalah mencukupi untuk menampung mangsa banjir,” kata beliau.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...02 JUL 2024

Penyasaran RON95 dijangka dilaksanakan suku kedua 2025

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan dijangka melaksanakan penyasaran RON95 pada suku tahun kedua 2025.

